



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2024

PENGURNIAAN PINGAT PERKHIDMATAN BOMBA

Seksyen 7A, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) Pindaan 2018

1. TUJUAN

- 1.1 Perintah tetap ini bertujuan untuk memberi panduan berkenaan perlaksanaan pengurniaan pingat.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah dilaksanakan oleh jabatan bermula pada tahun 1997 melalui Garis Panduan Pengurniaan Pingat Kebesaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

- 2.2 Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri telah memberi kelulusan reka bentuk baharu bagi pingat-pingat dan warna reben servis Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 22 Jun 2015 sepertimana surat di **Lampiran A**.
- 2.3 Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Bomba ini adalah sepertimana yang diperuntukkan di Seksyen 7A, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) Pindaan 2018.
- 2.4 Pengurniaan pingat ini sebagai tanda penghargaan dan penghormatan tinggi kepada pegawai, anggota dan kakitangan JBPM serta mana-mana orang atau agensi yang berkaitan dengan JBPM yang telah menyumbang kepada pembangunan dan perkhidmatan bomba.

3. PUNCA KUASA

Punca kuasa pengurniaan pingat ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 7A, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) Pindaan 2018 yang memperuntukkan Ketua Pengarah boleh menentukan perkara yang berhubungan dengan pengurniaan pingat kepada mana-mana orang yang difikirkannya sesuai.

4. JAWATANKUASA PENGURNIAAN PINGAT PERKHIDMATAN BOMBA

4.1 Jawatankuasa Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Bomba adalah terdiri daripada;

- a) Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan);

- b) Ahli : Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat;
- : Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran;
- : Pengarah Bahagian Latihan;
- : Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran;
- : Pengarah Bahagian Pengurusan; dan
- : Ketua Unit Integriti
- c) Urus Setia : Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat

- 4.2 Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk mengesyorkan mana-mana orang untuk dikurniakan pingat tersebut atau ditarik balik kepada Ketua Pengarah.
- 4.3 Apa-apa perkara yang berhubung perkara 4.2 hendaklah diputuskan dalam mesyuarat.
- 4.4 Kuorum bagi ahli mesyuarat Jawatankuasa adalah tidak kurang dari tiga (3) ahli Jawatankuasa.

5. JENIS DAN SUSUNAN PINGAT

- 5.1 Jenis dan susunan berdasarkan keutamaan Pingat Perkhidmatan Bombda adalah seperti berikut:
 - a) Bintang Jasa Terbilang Bomba (BJTB);
 - b) Bintang Jasa Bomba (BJB);
 - c) Bintang Wira Merah (BWM);
 - d) Pingat Jasa Terbilang Bomba (PJTb);

- e) Pingat Jasa Bomba (PJB);
- f) Pingat Setia Bomba (PSB);
- g) Pingat Cemerlang Bomba (PCB);
- h) Pingat Bakti Bomba (PBB)

6. MAKLUMAT RINGKAS PINGAT PERKHIDMATAN BOMBA ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

6.1 Bintang Jasa Terbilang Bomba (BJTB)

- a. Diberi kepada mana-mana orang yang difikirkan sesuai yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah yang telah memberi sumbangan yang besar kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM); atau
- b. Telah menyumbangkan kejayaan yang luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa; atau
- c. Telah memberikan perkhidmatan yang tiada bandingan mutunya serta menunjukkan keberanian terpilih dalam menjalankan setiap tugas yang diamanahkan dan telah menjalankan tanggungjawab yang diberi dengan amat cemerlang; dan
- d. Antara penerima yang layak dianugerahkan pingat ini adalah Mantan Ketua Pengarah JBPM, Ketua Pengarah JBPM dan mana-mana individu yang mempunyai kepentingan langsung kepada perkhidmatan kebombaan.

6.2 Bintang Jasa Bomba (BJB)

- a) Diberi kepada mana-mana orang yang difikirkan sesuai yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah yang telah memberi sumbangan yang besar kepada JBPM; atau

- b) Telah menyumbangkan kejayaan yang luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa; atau
- c) Telah memberikan perkhidmatan yang tiada bandingan mutunya serta menunjukkan keberanian terpilih dalam menjalankan setiap tugas yang diamanahkan dan telah menjalankan tanggungjawab yang diberi dengan amat cemerlang; dan
- d) Antara penerima yang layak dianugerahkan pingat ini adalah mantan Ketua Pengarah JBPM, Ketua Pengarah JBPM, Timbalan Ketua Pengarah JBPM dan mana-mana individu yang mempunyai kepentingan langsung kepada perkhidmatan kebombaan.

6.3 Bintang Wira Merah (BWM)

- a) Diberi kepada mana-mana pegawai bomba yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah yang telah memberi sumbangan yang besar dan signifikan dalam mana-mana misi kebombaan di peringkat negara dan antarabangsa.

6.4 Pingat Jasa Terbilang Bomba (PJTB)

- a) Pingat Jasa Terbilang Bomba diberi kepada mana-mana orang yang difikirkan sesuai yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah yang telah memberi sumbangan yang besar atau luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa; atau
- b) Telah memberikan perkhidmatan yang tiada bandingan mutunya serta menunjukkan keberanian terpilih dalam menjalankan setiap tugas yang diamanahkan dan telah menjalankan tanggungjawab yang diberi dengan amat cemerlang; dan

- c) Antara penerima yang layak dianugerahkan pingat ini adalah Ketua Pengarah JBPM, Timbalan Ketua Pengarah JBPM dan mana-mana pegawai yang menjawat sekurang-kurangnya Penguasa Bomba Gred KB54 ke atas atau mana-mana individu yang mempunyai kepentingan langsung kepada perkhidmatan kebombaanan.

6.5 Pingat Jasa Bomba (PJB)

- a) Pingat Jasa Bomba diberi kepada mana-mana orang yang difikirkan sesuai yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah yang telah memberi sumbangan yang besar atau luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa; atau
- b) Telah berjasa tinggi kepada jabatan dan negara dalam apa jua perkhidmatan kebombaanan; atau
- c) Mana-mana pegawai yang menjawat sekurang-kurangnya Penguasa Bomba Gred KB48 atau yang telah berkhidmat melebihi lima belas (15) tahun di jabatan dan telah menjalankan tanggungjawab dengan amat cemerlang; atau
- d) Mana-mana individu yang memegang jawatan penting dan tertinggi di peringkat negara atau antarabangsa, pegawai kanan organisasi kebombaanan awam/swasta, kakitangan gunasama JBPM sekurang-kurangnya Gred 48 ke atas yang telah berkhidmat dengan JBPM sekurang-kurangnya lima (5) tahun atau lebih di jabatan.
- e) Mana-mana pegawai bomba atau kakitangan JBPM yang difikirkan layak dan telah memberikan sumbangan bakti dalam perkhidmatan yang luar biasa atau yang telah

menunjukkan kejayaan yang luar biasa.

6.6 Pingat Setia Bomba (PSB)

- a) Pingat Setia Bomba diberi kepada mana-mana orang yang difikirkan sesuai yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah yang telah memberi sumbangan yang besar atau luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa; atau
- b) Telah memberikan perkhidmatan yang tiada bandingan mutunya serta menunjukkan keberanian yang luar biasa dalam menjalankan tugas kebombaan; atau
- c) Mana-mana pegawai yang menjawat sekurang-kurangnya Penolong Penguasa Bomba gred KB29 atau yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun di jabatan dan telah menjalankan tanggungjawab dengan amat cemerlang;
- d) Pingat ini juga dianugerahkan kepada individu yang memegang jawatan penting dan tertinggi di peringkat negara atau antarabangsa, pegawai kanan organisasi kebombaan awam/swasta, kakitangan gunasama JBPM sekurang-kurangnya Gred 29 ke atas yang telah berkhidmat dengan JBPM sekurang-kurangnya lima (5) tahun di jabatan; dan
- e) Mana-mana pegawai bomba atau kakitangan JBPM yang difikirkan layak dan telah memberikan sumbangan bakti dalam perkhidmatan yang luar biasa atau yang telah menunjukkan kejayaan yang luar biasa.

6.7 Pingat Cemerlang Bomba (PCB)

- a) Pingat Cemerlang Bomba diberi kepada mana-mana orang yang difikirkan sesuai yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah yang telah memberi sumbangan yang besar atau luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa; atau
- b) Telah memberikan perkhidmatan yang tiada bandingan mutunya serta menunjukkan keberanian yang luar biasa dalam menjalankan tugas kebombaan; atau
- c) Mana-mana pegawai yang telah berkhidmat melebihi tujuh (7) tahun di jabatan dan yang telah menjalankan tanggungjawab dengan amat cemerlang; dan
- d) Pingat ini juga dianugerahkan kepada Pegawai Bomba Bantuan, Pegawai Bomba Sukarela, pegawai organisasi kebombaan awam/swasta, pegawai-pegawai perkhidmatan awam atau individu yang berjasa dan kakitangan gunasama JBPM sekurang-kurangnya Gred 19 ke atas yang telah berkhidmat dengan JBPM sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di jabatan.

6.8 Pingat Bakti Bomba (PBB)

- a) Pingat Bakti Bomba diberi kepada mana-mana orang selain daripada pegawai bomba yang difikirkan sesuai yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah yang telah memberi sumbangan yang besar atau luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa; dan
- b) Mempunyai kepentingan langsung kepada perkhidmatan kebombaan.

6.9 Nama dan reka bentuk buah pingat, miniatur dan reben Pingat Perkhidmatan Bomba seperti di **Lampiran B**.

7. SYARAT-SYARAT PENCALONAN

7.1 Syarat-syarat pencalonan Pingat Perkhidmatan Bomba adalah seperti berikut:-

- a) Pencalonan adalah terbuka kepada semua pegawai bomba, pegawai bomba bantuan, pegawai bomba sukarela, kakitangan gunasama, pegawai bomba agensi swasta, orang awam, pertubuhan-pertubuhan, badan-badan berkanun dan agensi swasta yang berkaitan dengan tugas perkhidmatan kebombaanan.
- b) Seseorang pegawai yang ingin dicalonkan hendaklah terdiri daripada mereka yang telah memberi sumbangan yang besar atau luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa.
- c) Seseorang calon mestilah mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih iaitu:
 - i. bebas daripada sebarang kes jenayah;
 - ii. bebas daripada sebarang tindakan tatatertib;
 - iii. telah mengisytiharkan harta terkini berdasarkan peraturan berkuat kuasa;
 - iv. bebas daripada disenarai hitam sebagai peminjam tegar pendidikan;
 - v. bebas daripada keterhutangan yang serius
 - vi. memperoleh purata markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang daripada **85%** tiga tahun berturut-turut bagi penjawat awam.

- d) Hendaklah diperakukan oleh Ketua Pengarah/Ketua Jabatan.
- e) Pegawai yang telah dianugerahkan pingat dalam tempoh tiga (3) tahun tidak boleh dicalonkan lagi. Walau bagaimanapun Jawatankuasa boleh memberi pengecualian sekiranya pegawai menunjukkan kecemerlangan serta memberi sumbangan yang besar diperingkat negara / negeri.
- f) Bagi pencalonan pegawai bomba sukarela, pegawai bomba bantuan, pegawai bomba agensi swasta, pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan tugas kebombaan dan badan-badan berkanun mestilah telah berkhidmat atau menyumbang bakti lebih daripada lima (5) tahun dan diperakukan oleh Pengarah Negeri, Pengarah Bahagian atau Timbalan Ketua Pengarah.
- g) Pencalonan juga terbuka kepada orang awam yang berkaitan dengan tugas perkhidmatan kebombaan dan mestilah diperakukan oleh Pengarah Negeri, Pengarah Bahagian atau Timbalan Ketua Pengarah.
- h) Pegawai yang telah dianugerahkan pingat yang lebih tinggi tidak boleh memohon atau diperakukan pingat yang lebih rendah kecuali penerima Bintang Wira Merah.

7.2 Ringkasan kriteria pencalonan Pingat Perkhidmatan Bomba adalah seperti di **Lampiran C**.

7.3 Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memilih mengesyorkan mana-mana orang untuk dikurniakan pingat tersebut atau ditarik balik kepada Ketua Pengarah.

8. TATACARA PERMOHONAN

- 8.1 Borang-borang pencalonan hendaklah menggunakan *Borang (PPB-01 - 08)* seperti di **Lampiran 1** dan disertakan dengan gambar ukuran *passport* yang terkini;
- 8.2 Borang-borang pencalonan hendaklah diisi dengan lengkap, tepat dan diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- 8.3 Pencalonan Pengarah Bahagian / Pengarah Negeri / Komandan / Komander / Ketua Unit hendaklah diperakukan oleh Timbalan Ketua Pengarah JBPM.
- 8.4 Borang pencalonan yang lengkap hendaklah dihantar ke Urus Setia Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Bomba.
- 8.5 Pencalonan yang dihantar selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan dipertimbangkan.
- 8.6 Semua borang pencalonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada;

Ketua Pengarah

Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Lebuh Wawasan, Presint 7

62250 PUTRAJAYA

(u.p: Urus Setia Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Bomba)

- 8.7 Carta aliran proses pencalonan dan pemilihan calon seperti di **Lampiran D**.

9. PENGURNIAAN PINGAT

- 9.1 Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Bomba hendaklah diadakan dalam satu majlis khas yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah JBPM.
- 9.2 Majlis pengurniaan pingat hendaklah diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Korporat.
- 9.3 Penerima Pingat Perkhidmatan Bomba akan menerima:
 - a) Buah pingat;
 - b) Miniatur;
 - c) Reben pingat;
 - d) Sijil; danPenerimaan perkara (a) hingga (d) adalah hanya layak diberikan sekali sahaja (*one off*).
- 9.4 Bentuk sijil adalah seperti di **Lampiran E**.
- 9.5 Penerima Pingat Perkhidmatan Bomba akan direkod oleh urus setia mengikut kategori pingat yang dianugerahkan.

10. TARIKH KUAT KUASA

- 10.1 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2024 berkuat kuasa mulai pada tarikh ia ditandatangani.

11. PEMBATALAN

11.1 Dengan keluarnya Perintah Tetap Ketua Pengarah ini, maka Garis Panduan Pengurniaan Pingat Kebesaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Tahun 1997 adalah dibatalkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: 13 Mac 2024



JABATAN PERDANA MENTERI
Bahagian Istiadat & Uruselia Persekutuan Antarabangsa,
Aras 5-8, Blok B3,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA

Telefon: 03-8000 8000
Faksimili: 03-8088 3003
03-8088 3940
03-8088 3980
03-8088 3981
03-8088 3471
Laman Web: www.jalidat.gov.my



PM13536/3/1 Jld.3 (12)
22 Jun 2015

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Bahagian Latihan
Ibu Pejabat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Aras 6, Lobuh Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
(u.p.: PKPJB Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid,
Penolong Ketua Pengarah)

Tuan,

**CADANGAN REKA BENTUK BARU BAGI PINGAT-PINGAT DAN WARNA REBEN
SERVIS JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan bil. JBPM/IP/LAT:100-2/1/5
Jld. 2(7) bertarikh 12 Mac 2015 mengenai perkara di atas.

2. Jabatan ini telah meneliti cadangan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia (JBPM) mengenai reka bentuk baru dan penzahiran pingat baru serta
pemakalan reben servis oleh anggota JBPM. Berdasarkan kepada cadangan tersebut
Jabatan ini berpandangan seperti berikut:

i. Cadangan reka bentuk baru pingat JBPM

Penzahiran pingat pada dasarnya adalah atas perkenan Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi penganugerahan di peringkat
Persekutuan serta perkenan KDYMM Sultan-Sultan, DYMM Raja-Raja
dan TYT Yang di-Pertua Negeri bagi penganugerahan di peringkat Negeri.
Ia bukanlah sesuatu yang sewenang-wenangnya diopta dan diubah
reka bentuknya selepas dizahirkan. Sesuatu pingat yang hendak
dizahirkan perlu diteliti terlebih dahulu dari segi reka bentuk, warna dan
ciri-ciri lain supaya selari dengan maksud dan tujuan penzahiran sesuatu
pingat serta tidak berlaku kekeliruan di kalangan penerima dan juga
masyarakat.

1

*Sila beri maklum balas
kepada sekretariat berkaitan
draf ini dalam carian kami SS-16.*

ii. Penzahiran pingat baru JBPM

Penzahiran pingat seharusnya dikawal walaupun di peringkat dalaman Jabatan. Ia bagi memastikan nilai dan taraf sesuatu pingat dapat dipelihara supaya tidak terjejas dengan lambakan pingat.

iii. Pemakaian reben servis oleh anggota JBPM


Reben servis yang dimaksudkan merupakan bar reben. Bar reben dipakai oleh anggota beruniform sebagai ganti kepada pingat semasa menjalankan tugas rasmi. Reka bentuk jalur serta warna bar reben perlulah sama dengan reben pingat berkenaan. Sekiranya ada anggota JBPM yang telah dikurniakan pingat di peringkat Persekutuan atau pun negeri, bolehlah dibuat bar reben untuk dipakai pada uniform masing-masing.

3. Dalam hubungan ini, Jabatan ini ingin menegaskan bahawa penzahiran pingat yang banyak di peringkat Jabatan dikhuatiri akan menyebabkan kekeliruan dan menjejaskan kedudukan atau taraf pingat yang lazimnya dikaitkan dengan pengiktirafan berprestij oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, KDYMM Sultan-Sultan/DYMM Raja-Raja dan TYT Yang di-Pertua Negeri.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK WAN HAMIDAH BINTI WAN IBRAHIM)

Setiausaha Bahagian Kanan



Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa






Jabatan Perdana Menteri


b.p. Ketua Setiausaha Negara







Tel 03 - 8972 6002 | M 03 - 8956 2981 | E3 wanhamidah.bintiw@pms.gov.my

NAMA DAN REKA BENTUK BUAH PINGAT, *MINIATUR* DAN
REBEN PINGAT PERKHIDMATAN BOMBA

Bil.	Nama Bintang/Pingat	Reka Bentuk Buah Pingat, <i>Miniatur</i> dan Reben
1.	Bintang Jasa Terbilang Bomba (BJTB)	 <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 10px;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 10px;">Bintang</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 10px;"><i>Miniatur</i></div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 10px;">Reben</div> </div>
2.	Bintang Jasa Bomba (BJB)	 <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 10px;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 10px;">Bintang</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 10px;"><i>Miniatur</i></div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 10px;">Reben</div> </div>

Bil.	Nama Bintang/Pingat	Reka Bentuk Buah Pingat, <i>Miniatur</i> dan Reben
3.	Bintang Wira Merah (BWM)	<div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="715 891 906 952">Bintang</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="1129 891 1321 952">Reben</p> </div> </div>
4.	Pingat Jasa Terbilang Bomba (PJTB)	<div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="683 1697 869 1758">Pingat</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="949 1697 1136 1758"><i>Miniatur</i></p> </div> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="1197 1697 1385 1758">Reben</p> </div> </div>

Bil.	Nama Bintang/Pingat	Reka Bentuk Buah Pingat, <i>Miniatur</i> dan Reben
5.	Pingat Jasa Bomba (PJB)	<div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="678 936 869 1003">Pingat</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="943 936 1134 1003"><i>Miniatur</i></p> </div> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="1169 936 1361 1003">Reben</p> </div> </div>
6.	Pingat Setia Bomba (PSB)	<div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="659 1715 850 1783">Pingat</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="922 1715 1114 1783"><i>Miniatur</i></p> </div> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="1187 1715 1378 1783">Reben</p> </div> </div>

Bil.	Nama Bintang/Pingat	Reka Bentuk Buah Pingat, <i>Miniatur</i> dan Reben
7.	Pingat Cemerlang Bomba (PCB)	<div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="676 965 868 1032">Pingat</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="943 965 1134 1032"><i>Miniatur</i></p> </div> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="1187 965 1378 1032">Reben</p> </div> </div>
8.	Pingat Bakti Bomba (PBB)	<div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="635 1742 826 1809">Pingat</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="900 1742 1091 1809"><i>Miniatur</i></p> </div> <div style="text-align: center;">  <p data-bbox="1177 1742 1369 1809">Reben</p> </div> </div>

RINGKASAN KRITERIA PENCALONAN PINGAT PERKHIDMATAN BOMBA

BJTB, BWM, BJB, PJTB, PJB, PSB, PCB DAN PBB

A. Individu, Organisasi Kebombaanan, Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan, Pegawai Bomba Sukarela atau Pesara

BIL.	BINTANG/PINGAT	PERKHIDMATAN	PRESTASI	SUMBANGAN	KHUSUS
1.	Bintang Jasa Terbilang Bomba (BJTB)	TB	TB	i. Telah memberi sumbangan yang besar kepada JBPM; atau ii. Telah menyumbangkan kejayaan yang luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa;	Pengumiaian kepada: i. Mantan Ketua Pengarah JBPM; ii. Ketua Pengarah JBPM; dan atau setaraf dengannya.

BIL.	BINTANG/PINGAT	PERKHIDMATAN	PRESTASI	SUMBANGAN	KHUSUS
2.	Bintang Jasa Bomba (BJB)	TB	TB	<ul style="list-style-type: none"> i. Telah memberi sumbangan yang besar kepada JBPM; atau ii. Telah menyumbangkan kejayaan yang luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa; 	Pengumiaan kepada: <ul style="list-style-type: none"> i. Mantan Ketua Pengarah JBPM; ii. Ketua Pengarah JBPM; Timbalan Ketua Pengarah JBPM; dan atau setaraf dengannya.
3.	Bintang Wira Merah (BWM)	TB	TB	<ul style="list-style-type: none"> i. Telah memberi sumbangan yang signifikan dan besar dalam mana-mana misi di peringkat negara dan antarabangsa; 	Pengumiaan kepada: <ul style="list-style-type: none"> i. Mana-mana pegawai bomba yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah JBPM;


BIL.	BINTANG/PINGAT	PERKHIDMATAN	PRESTASI	SUMBANGAN	KHUSUS
4.	Pingat Jasa Terbilang Bomba (PJTB)	25 Tahun	TB	<ul style="list-style-type: none"> i. Telah memberi sumbangan yang besar kepada JBPM; atau ii. Telah menyumbangkan kejayaan yang luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa 	Pengurniaan kepada: <ul style="list-style-type: none"> i. Mantan Ketua Pengarah JBPM; ii. Ketua Pengarah JBPM; iii. Timbalan Ketua Pengarah JBPM iv. Pengarah- Pengarah Bahagian v. Pengarah-Pengarah Bomba Negeri vi. Penguasa Bomba Gred KB54 ke atas dan atau setaraf dengannya.
5.	Pingat Jasa Bomba (PJB)	15 Tahun *(5 Tahun)	LNPT 85% 3 tahun berturut.	<ul style="list-style-type: none"> i. Telah menyumbangkan kejayaan yang luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa;atau ii. Telah memberikan perkhidmatan yang tiada bandingan mutunya iii. Telah menunjukkan keberanian terpilih dalam menjalankan setiap tugas yang diamanahkan dan telah menjalankan tanggungjawab 	Pengurniaan kepada: <ul style="list-style-type: none"> i. Penguasa Bomba Gred KB48 dan ke atas ii. Kakitangan Gunasama Gred 48 dan ke atas iii. Pegawai Organisasi Kebombaan Awam/swasta iv. Individu-individu yang berjasa yang berkaitan perkhidmatan kebombaan

BIL.	BINTANG/PINGAT	PERKHIDMATAN	PRESTASI	SUMBANGAN	KHUSUS
6.	Pingat Setia Bomba (PSB)	10 Tahun *(5 Tahun)		yang diberi dengan amat cemerlang	Pengurniaan kepada: i. Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 dan ke atas ii. Kakitangan Gunasama Gred 29 dan ke atas iii. Pegawai Organisasi Kebombaan Awam/swasta iv. Individu-individu yang berjasa yang berkaitan perkhidmatan kebombaan
7.	Pingat Cemerlang Bomba (PCB)	7 Tahun *(3 Tahun)			Pengurniaan kepada: i. Pegawai Bomba Gred KB19 dan ke atas ii. Kakitangan Gunasama Gred 19 dan ke atas iii. Pegawai Bomba Bantuan iv. Pegawai Bomba Sukarela v. Pegawai Organisasi Kebombaan Awam/Swasta

BIL.	BINTANG/PINGAT	PERKHIDMATAN	PRESTASI	SUMBANGAN	KHUSUS
					vi. Individu-individu yang berjasa yang berkaitan perkhidmatan kebombaan
8.	Pingat Bakti Bomba (PBB)			<p>i. Telah memberi sumbangan yang besar atau luar biasa kepada JBPM di peringkat negara dan antarabangsa; atau</p> <p>ii. Mana-mana individu yang mempunyai kepintangan langsung kepada perkhidmatan kebombaan.</p>	<p>Pengurniaan kepada:</p> <p>i. Pegawai Organisasi Kebombaan Awam/Swasta</p> <p>ii. Individu-individu yang berjasa yang berkaitan perkhidmatan kebombaan</p>

Nota: * () Tempoh Perkhidmatan kakitangan gunasama

CARTA ALIRAN PROSES PENCALONAN DAN PEMILIHAN CALON



Nota :

- i. *Urus Setia Pengurniaan Pingat Perkhidmatan Bomba akan menyimpan segala maklumat (data base) penerima pingat bagi tujuan penyemakan; dan*
- ii. *Salinan nama penerima-penerima 3 tahun sebelum akan disertakan sekali bersama surat pemakluman pencalonan.*



Dengan Nama Allah Tuhan Yang Maha Pemurah
Lagi Maha Mengasihani



Setinggi-tinggi puji bagi Allah Pencipta Alam
segala rantaun dalamNya, mengedarkan cakrawala dan bintang dengan
peredaran masing-masing dan menjadikan alam ini siang dan malam.
Demikian pula berkuasa mengurniakan kepada hambaNya
bagi menyandang bintang kebesaran dan kemuliaan,
demikianlah tanda keagungan dan kebesaranNya



Bahawasanya bagi menghargai usaha dan bakti yang diberikan kepada
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, maka dengan penuh
bangganya diistiharkan bahawa:

Didapati layak dan sesuai dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Bomba
yang dikenali dengan nama

Pingat Bakti Bomba

Mudah-mudahan Allah melimpahkan berkat dan rahmatNya

Dikurniakan pada Hijrah bersamaan

..... Masihi



Setiausaha
Kembaga Panel Pingat Kebesaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia

Petua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia





Dengan Nama Allah Tuhan Yang Maha Pemurah
Lagi Maha Mengasihani

Setinggi-tinggi puji bagi Allah Pencipta Alam
segala rantau dalamNya, mengedarkan cakerawala dan bintang dengan
peredaran masing-masing dan menjadikan alam ini siang dan malam.
Demikian pula berkuasa mengurniakan kepada hambaNya
bagi menyandang bintang kebesaran dan kemuliaan,
demikianlah tanda keagungan dan kebesaranNya

Bahawasanya bagi menghargai usaha dan bakti yang diberikan kepada
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, maka dengan penuh
bangganya diistiharkan bahawa:

Didapati layak dan sesuai dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Bomba
yang dikenali dengan nama

ma

Pingat Cemerlang Bomba

Mudah-mudahan Allah melimpahkan berkat dan rahmatNya

Dikurniakan pada Hijrah bersamaan
..... Masihi



Setiausaha
Lembaga Panel Pingat Kebesaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia

Petua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia





Dengan Nama Allah Tuhan Yang Maha Pemurah
Lagi Maha Mengasihani



Setinggi-tinggi puji bagi Allah Pencipta Alam
segala rantau dalamnya, mengedarkan cakrawala dan bintang dengan
peredaran masing-masing dan menjadikan alam ini siang dan malam.
Demikian pula berkuasa mengurniakan kepada hambaNya
bagi mengandangi bintang kebesaran dan kemuliaan,
demikianlah tanda keagungan dan kebesaranNya


Bahawasanya bagi menghargai usaha dan bakti yang diberikan kepada
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, maka dengan penuh
bangganya diistiharkan bahawa:

Didapati layak dan sesuai dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Bomba
yang dikenali dengan nama nama

Pingat Setia Bomba

Mudah-mudahan Allah melimpahkan berkat dan rahmatNya

Dikurniakan pada Hijrah bersamaan
..... Masihi



Setiausaha
Kembaga Panel Pingat Kebesaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia

Petua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia





Dengan Nama Allah Tuhan Yang Maha Pemurah
Lagi Maha Mengasihani



Setinggi-tinggi puji bagi Allah Pencipta Alam
segala rantau dalamnya, mengedarkan cakerawala dan bintang dengan
peredaran masing-masing dan menjadikan alam ini siang dan malam.
Demikian pula berkuasa mengurniakan kepada hambaNya
bagi mengandangi bintang kebesaran dan kemuliaan,
demikianlah tanda keagungan dan kebesarannya



Bahawasanya bagi menghargai usaha dan bakti yang diberikan kepada
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, maka dengan penuh
bangganya diistiharkan bahawa:

Didapati layak dan sesuai dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Bomba
yang dikenali dengan nama _____ iama

Pingat Jasa Bomba

Mudah-mudahan Allah melimpahkan berkat dan rahmatNya

Dikurniakan pada Hijrah bersamaan
..... Masihi



Petua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia

Setiausaha
Lembaga Panel Pingat Kebesaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia





Dengan Nama Allah Tuhan Yang Maha Pemurah
Lagi Maha Mengasihani

Setinggi-tinggi puji bagi Allah Pencipta Alam
segala rantau dalamnya, mengedarkan cakrawala dan bintang dengan
peredaran masing-masing dan menjadikan alam ini siang dan malam.
Demikian pula berkuasa mengurniakan kepada hambaNya
bagi memandang bintang kebesaran dan kemuliaan,
demikianlah tanda keagungan dan kebesaranNya

Bahawasanya bagi menghargai usaha dan bakti yang diberikan kepada
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, maka dengan penuh
bangganya diistiharkan bahawa:

Didapati layak dan sesuai dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Bomba
yang dikenali dengan nama nama

Pingat Jasa Terbilang Bomba

Mudah-mudahan Allah melimpahkan berkat dan rahmatNya

Dikurniakan pada Hijrah bersamaan
..... Masihi



Petua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia

Seliansaha
Kembaga Panel Pingat Kebesaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia



CONTOH

LAMPIRAN 1

Borang PPB – 01 – Bintang Jasa Terbilang Bomba (BJTB)

SULIT

**BORANG PENCALONAN BAGI PENGURNIAAN
PINGAT PERKHIDMATAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI

1. Nama : Click or tap here to enter text.
(Tulis dengan huruf besar)
2. Jantina : Choose an item.
3. Taraf Perkahwinan : Choose an item.
4. Tarikh Lahir : Click or tap to enter a date.
5. Umur : Click or tap here to enter text. Tahun
 - i. Tinggi: Click or tap here to enter text.
 - ii. Berat : Click or tap here to enter text.
 - iii. BMI : Click or tap here to enter text.
6. No. Kad Pengenalan Lama : Click or tap here to enter text.
7. No. Kad Pengenalan Baru : Click or tap here to enter text.
8. No. Badan / Gunasama: Click or tap here to enter text.
9. Alamat Tempat Bertugas : Click or tap here to enter text.
10. No. Telefon Pejabat Sekarang: Click or tap here to enter text.
11. Nama Pasangan: Click or tap here to enter text.
12. Bilangan Anak: Choose an item.
13. Alamat Tetap Tempat Tinggal: Click or tap here to enter text.

14. No. Telefon Rumah: Click or tap here to enter text.

B. BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN

15. Tarikh Lantikan Pertama Dalam Perkhidmatan Awam:

Hari	Bulan	Tahun

16. Nama Skim Perkhidmatan Sekarang: Choose an item.

17. Tarikh Lantikan ke Skim Perkhidmatan Sekarang:

Hari	Bulan	Tahun

18. Nama Jawatan Sekarang: Click or tap here to enter text.

19. Gred Jawatan Sekarang: Choose an item.

20. Tempoh Perkhidmatan dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia: Click or tap here to enter text.

21. Nyatakan adakah pegawai / anggota ini pernah dikenakan tindakan tatatertib:

Bil.	Bulan	Tahun

C. BUTIR-BUTIR KEGIATAN DALAM JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT

(Sama ada dalam Pergerakan Persatuan, Kesatuan Sekerja, Koperasi, MASKAB, PERISMA, Pancaragam 'brass band' Bomba, Aktiviti Rekreasi, Aktiviti Sukan, Bomba Sukarela dan sebagainya)

Bil.	Nama Persatuan	Jawatan Yang Dipegang
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		

**Sila tambah sebagai lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi*

D. BUTIR-BUTIR KEGIATAN LUAR

(Sama ada dalam pergerakan Masyarakat, Pertubuhan Profesional, Sukan di Peringkat Negeri atau Kebangsaan, Kebajikan, Sosial, Agama Persatuan Bulan Sabit dan sebagainya)

Bil.	Nama Persatuan	Jawatan Yang Dipegang
1.		
2.		
3.		

**Sila tambah sebagai lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi*

E. BUTIR-BUTIR KURNIAAN YANG TELAH DIPEROLEHI SEBELUM INI

Bil.	Nama Darjah / Bintang / Pingat Kebesaran Yang Pernah Diterima	Tahun Dikurniakan

Bil.	Nama Pingat Perkhidmatan Bomba Yang Pernah Diterima	Tahun Dikurniakan

Bil.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Yang Pernah Diterima	Tahun Dikurniakan

F. BUTIR-BUTIR PENCALONAN YANG LALU

(Terangkan sama ada calon ini pernah dicalonkan bagi pengurniaan Darjah / Bintang / Pingat Kebesaran atau Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebelum ini tetapi tidak berjaya)

--

G. ASAS-ASAS PENCALONAN

1. Pengalaman

- Jawatan-jawatan yang pernah disandang / tahun jawatan disandang/ tempat bertugas sewaktu menyandang jawatan

Tempoh Tahun (dari – hingga)	Jawatan / Gred Jawatan / Tempat Bertugas

**Sila senaraikan lima (5) perkara yang utama dan signifikan secara ringkas*

2. Sumbangan

- Sama ada dalam jabatan, pergerakan masyarakat/pertubuhan/profesional/sukan/kebaikan/sosial/agama di peringkat tempatan/antarabangsa

Tempoh Tahun (dari – hingga)	Jawatan / Sumbangan

**Sila senaraikan lima (5) perkara yang utama dan signifikan secara ringkas*

3. Penghargaan

- Penerimaan daripada institusi-institusi tertentu atau kerajaan di peringkat tempatan/antarabangsa

Tempoh Tahun (dari - hingga)	Jawatan / Sumbangan	Tahun

**Sila senaraikan lima (5) perkara yang utama dan signifikan secara ringkas*

Tarikh:

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

.....
(Nama penuh dengan huruf besar)

.....
(Cop jawatan)

H. ULASAN URUS SETIA

Tarikh:

.....
(Tandatangan Urus Setia)
Jawatankuasa Pengurniaan
Pingat Perkhidmatan Bomba